



**PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) SALUR RM500,000 ZAKAT PERNIAGAAN
KEPADA KELANTAN DAN KEDAH,
PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN SOSIAL INKLUSIF**

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2026 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) terus komited dalam menunaikan kewajipan berzakat dengan menyalurkan sebanyak RM500,000 Zakat Perniagaan bagi Tahun Kewangan 2025 kepada dua (2) institusi zakat negeri.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM250,000 disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), manakala RM250,000 lagi kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN).

Penyaluran zakat ini mencerminkan komitmen berterusan RAC dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta menyokong pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam khususnya golongan asnaf dan mereka yang memerlukan. Dana yang disalurkan melalui institusi zakat negeri akan dimanfaatkan bagi menyokong bantuan pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi umat Islam secara menyeluruh.

Majlis penyerahan zakat tersebut telah diadakan bersekalikan dengan Program Ihya' Ramadan Bersama Anak Yatim dan Media yang berlangsung di sini, pada hari ini. Zakat Perniagaan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad kepada YBhg. Dato' Hj Mohd Anis bin Hussein, Timbalan Yang Dipertua MAIK manakala LZKN diwakili oleh Encik Mohamad Zaidi bin Azizan, Ketua Pegawai Kutipan. Majlis tersebut telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah.

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dalam kenyataannya berkata:

“Zakat bukan sekadar kewajipan, tetapi satu amanah. Sebagai Agensi Kerajaan, RAC bukan sahaja mengurus dan membangunkan aset rel negara, malah turut memikul tanggungjawab sosial untuk memastikan manfaat pembangunan itu dirasakan oleh masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan. Penyaluran zakat ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kami untuk menyumbang kepada kesejahteraan ummah dan memperkukuh ekosistem sosial yang lebih inklusif.”

Beliau turut menegaskan bahawa sebagai pemegang amanah aset rel negara, RAC sentiasa memastikan setiap hasil dan pulangan yang dijana melalui pembangunan aset dilaksanakan secara berintegriti dan memberi nilai tambah bukan sahaja kepada sektor pengangkutan, tetapi juga kepada pembangunan sosial negara.

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab dan prihatin, RAC percaya bahawa peranan Agensi Kerajaan tidak terhad kepada pengurusan infrastruktur semata-mata, sebaliknya turut merangkumi tanggungjawab menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pengukuhan jaringan sokongan sosial.

Selain penyerahan zakat perniagaan, RAC turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM3,500 masing-masing kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf Baitun Nurrawdhah serta Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia. Seramai kira-kira 50 orang anak-anak yatim yang hadir turut disantuni melalui penyampaian duit raya dan cenderahati sebagai tanda keprihatinan serta usaha berkongsi kegembiraan sempena bulan Ramadan.

RAC berharap agar sumbangan yang disalurkan ini dapat meringankan beban golongan yang memerlukan serta memberi impak positif kepada kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi pembangunan sosial yang inklusif dan mampan.

PERBADANAN ASET KERETAPI
25 FEBRUARI 2026

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:**Unit Hal Ehwal Korporat**

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222